

22/10/2003

Mahathir pikat 2.1 juga penonton

PROGRAM istimewa Mahathir yang disiarkan menerusi enam episod di TV3 sejak 28 September lalu, berjaya menambat lebih 2.1 juta penonton.

Sambutan hangat diterima daripada penonton setia TV3 kerana mereka amat tertarik dengan dokumentari itu yang menonjolkan kehidupan serta kerjaya Perdana Menteri Malaysia yang keempat.

Mahathir disiarkan dalam enam bahagian. Bahagian pertama ke udara pada hari Ahad, 28 September lalu jam 9 malam selama setengah jam, manakala bahagian kedua, ketiga dan keempat disiarkan secara berturut-turut pada hari Ahad.

Bagaimanapun, untuk bahagian kelima dan terakhir akan disiarkan pada hari Khamis dan Jumaat, 23 dan 24 Oktober 2003 jam 9 malam. Bahagian terakhir akan disiarkan sejam termasuk sesi temuramah eksklusif bersama Perdana Menteri sendiri.

Mahathir memaparkan kehidupan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bermula pada zaman kanak-kanaknya di Nombor 18, Lorong Kilang Ais, Alor Star, Kedah sehingga ke kerjaya beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Melalui temubual dengan keluarga terdekat, sahabat lama, rakan, bekas seteru politik serta pekerja beliau memberikan gambaran mengenai personaliti Perdana Menteri Malaysia yang berkaliber ini termasuk beberapa perkara yang tidak diketahui umum.

Turut ditemubual adalah Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Musa Hitam dan Tun Ghafar Baba selain isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan anak-anaknya.

Mahathir tidak mengambil perspektif menyanjung tetapi menceritakan perjalanan hidup seorang pemimpin Melayu yang hebat. Program ini berdasarkan fakta, dokumen sejarah, wawancara dan hasil kerja penulisan mengenai Datuk Seri Dr Mahathir.

Di samping itu ada beberapa babak yang dilakonkan semula, terutama bahagian pertama dan kedua. Lakon semula itu diperlukan bagi menggambarkan suasana di rumah kelahirannya dan kehidupannya di Alor Star pada awal abad lalu.

Rakaman babak lakon semula memakan masa tiga hari tiga malam dan difilemkan di sekitar Perak pada akhir bulan Julai lalu.

Mahathir diterbitkan oleh Sa'adullah Che Noor dengan bantuan Mohd Azri Atan dan Rishdy Mohd Rosli. Lakon semula diarahkan oleh Azman Yahya (Jinggo fdam) dan skrip suara latar oleh Zainal Ariffin Ismail.